JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
https://penang.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM PG. 100-1/8 (3) Jld. 2
Tarikh : 02 Mei 2023

Ketua-ketua Jabatan/PTJ

YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN KEPADA PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR EMPLOYEE) MELALUI MODUL HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL ACCOUNT PAYABLE (AP)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara (JANM) bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(28) bertarikh 29 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, JANM menetapkan pengunaan satu akaun bank sahaja bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor *EMPLOYEE* (EMP) untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui *Modul Human Capital Management* (HCM)-*Payroll* dan bayaran tuntutan perjalanan (TNT) serta tuntutan lain di *Modul Account Payable* (AP) berkuatkuasa **1 Mei 2023**. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan pengunaan Tuntutan Perjalanan (TNT) HRMIS yang menggunakan nombor akaun daripada sumber data *Human Capital Management* (HCM).

3. Sehubungan dengan itu mohon jasabaik pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemaskini dan menyelaraskan data pembekal **sebelum atau pada 31 Mei 2023** di *Human Capital Management* (HCM) dan iGFMAS **supaya hanya satu akaun sahaja wujud di kedua-dua sistem ini**. Panduan pengemaskinian adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Sekiranya pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Unit Khidmat Pelanggan JANM Pulau Pinang di talian 04-2555450, 459 & 581. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAZIAH BINTI MUSA C.A(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang

LAMPIRAN 1

RALAT - CARTA ALIR UNTUK PENGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN KEPADA PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR EMPLOYEE) MELALUI MODUL HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL ACCOUNT PAYABLE (AP)

Pegawai Penyedia Gaji di Sistem HCM

- Jana Laporan Gaji- ZRPY064(Senarai Pembayaran Gaji) melalui Sistem **e-Penyata Gaji & Laporan**.
- Semak silang maklumat asas dan nombor akaun dengan data induk pembekal (Penjawat Awam) di sistem iGFMAS.

iGFMAS > Data Induk > Maklumat Pembekal > Papar Maklumat Pembekal

Maklumat yang perlu disemak:

- Nama Pegawai
- Nombor Kad Pengenalan
- Alamat
- Maklumat Komunikasi
- Maklumat Akaun Bank

- Sekiranya data betul dan hanya mempunyai maklumat satu akaun bank sahaja tidak memerlukan sebarang tindakan pengemaskinian di Sistem iGFMAS.

- Sekiranya maklumat tidak tepat atau mempunyai **lebih daripada satu akaun bank di maklumat data induk di Sistem iGFMAS** maka tindakan pengemaskinian perlu dilakukan oleh **Pegawai Penyedia Gaji** melalui Program Muat Naik Maklumat Pembekal Secara Pukal *(Mass Upload)* rujuk tatacara di pautan:

https://penang.anm.gov.my/index.php/akib-penang/pengumuman/2022/arkib-pengumuman-2022/10832-hebahan-program-muatnaik-maklumat-pembekal-secara-pukal